# MUSA: STRATEJI MELEBURKAN KOMUNIS TETAP DIUTAMA

**KENYATAAN akhbar Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Datuk Musa Hitam Sketika mengumumkan pembebasan 21 orang yang ditahan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri semalam.**

**AKTA Keselamatan Dalam Negeri 1960 memberi kuatkuasa kepada Kerajaan menahan orang-orang yang dianggap merbahaya kepada keselamatan negara. Setakat ini dengan menggunakan kuatkuasa Akta tersebut banyak orang telah ditangkap dan ditahan di Taiping dan di Batu Gajah.**

**Mereka ini adalah ditahan kerana aktiviti-aktiviti dan kegiatan-kegiatan yang dianggap memudaratkan ketenteraman awam dan mengancam keselamatan negara.**

**Orang-orang tahanan ini boleh dibahagikan kepada beberapa ketegori iaitu mereka yang terlibat dengan kegiatan-kegiatan komunis, pro komunis, subversif dan bertujuan menggulingkan Kerajaan dengan secara kekerasan di** [illegible] **Persekutuan.**

Sungguhpun ada dakwaan di kalangan setengah-setengah pihak yang menyatakan adanya terdapat orang-orang tahanan politik, di sini sukalah saya menyatakan dan menegaskan bahawa dakwaan seperti itu adalah sama sekali tidak benar. Tidak ada seorang pun yang ditahan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri ini kerana penglibatan mereka dalam kegiatan dan aktiviti-aktiviti politik.

Kerajaan memang sentiasa memberi peluang kepada semua golongan orang-orang yang ditahan di bawah Undang-undang berkenaan untuk membuat rayuan kepada saya sebagai Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri dan terpulanglah kepada saya untuk membenarkan penginggalan kegiatan-kegiatan atau aktiviti-aktiviti yang mengancam keselamatan negara dan juga ketenteraman awam.

Dari itu selaras dengan kenyataan akhbar yang dibuat oleh Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad, Perdana Menteri baru kita beberapa hari dahulu, dan kenyataan saya sendiri berkaitan dengan cadangan Kerajaan hendak menyemak semula kedudukan orang-orang yang ditahan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri itu, maka saya telah mengkaji laporan Lembaga Penasihat yang terakhir di atas tiap-tiap kes tahanan yang pada kebiasaannya di ulangkaji oleh Lembaga Penasihat setiap 6 bulan sekali.

Dari tahun 1978 hingga bulan Julai, 1981 ini seramai 726 orang tahanan yang telah pulih dan sanggup kembali ke pangkal jalan telahpun dibebaskan oleh Kerajaan.

Baki yang masih belum berubah sikap ke arah pemulihan yang sekarang ini berada di kem-kem tahanan akan sentiasa diberi peluang menunjukkan tanda-tanda yang memberi keyakinan kepada Kerajaan bahawa pembebasan mereka tidak akan mengancam keselamatan negara atau memudaratkan ketenteraman awam maka Kerajaan membebaskan mereka.

## Ahli lembaga

Berhubik kepada Lembaga Penasihat tadi, saya ingin menegaskan bahawa lanya ialah sebuah badan bebas yang ditubuhkan di bawah Perkara 151(2) Perlembagaan Persekutuan dan ahli-ahli Lembaga Penasihat ini adalah terdiri daripada mereka yang dilantik oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong.

Lembaga Penasihat ini adalah dipengerusikan oleh seorang berkelayakan seperti seorang Hakim Mahkamah Tinggi. Lembaga Penasihat ini juga adalah bertanggungjawab membuat perakuan-perakuan atau syor-syor kepada saya sebagai Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri dan terpulanglah kepada saya untuk membenarkan ditimbangan di atas perakuan-perakuan dan syor-syor lembaga penasihat itu.

Mengikut amalan biasa, seseorang yang ditahan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri ini akan dibebaskan berdasarkan kepada perakuan-perakuan dan syor-syor Lembaga Penasihat dan setelah saya sendiri berpuas hati bahawa mereka itu tidak akan lagi mengancam keselamatan negara.

Berdasarkan kepada perakuan-perakuan dan syor-syor yang dikemukakan oleh Lembaga Penasihat di waktu kebelakangan ini, dan

setelah dipertimbangkan dengan halus lagi teliti kes-kes tiap-tiap orang tahanan yang berkenaan itu, maka adalah didapati bahawa mereka yang namanya akan saya sebutkan sebentar lagi tidak lagi menjadi ancaman keselamatan negara.

Oleh yang demikian keputusan telah dibuat untuk membebaskan mereka pada hari ini juga tanpa apa-apa syarat. Saya telah mengambil keputusan untuk membebaskan mereka menjelang Hari Raya Aidilfitri ini supaya memberi peluang kepada mereka untuk berasama-sama menyambut hari yang mulia ini bersama keluarga mereka dan juga selaras dengan semangat Aidilfitri.

Saya suka hendak menekankan di sini bahawa tindakan yang diambil oleh Kerajaan melepaskan 21 orang tahanan itu bukanlah bermakna bahawa Kerajaan baru yang ada ini adalah satu Kerajaan yang lemah atau lembik.

Bahkan sukacita saya menegaskan di sini bahawa Kerajaan yang ada sekarang ini, melalui agensi-agensi yang tertentu, sentiasa berwaspada dan bersiap sedia mengesan dan menangkap setiap juga yang menjalankan aktiviti-aktiviti atau kegiatan-kegiatan komunis, pro komunis, subversif dan anasir anti nasional serta kumpulan haram yang mengancam keselamatan negara dan ketenteraman awam.

Andai kata Kerajaan tidak ragu-ragu menangkap dan menahan semula mereka yang telah dilepaskan jika sekiranya mereka didapati terjunam ke dalam jurang aktiviti-aktiviti yang serupa.

Ini termasuklah mereka yang akan dilepaskan hari ini.

Saya ingin menegaskan bahawa pentadbiran baru di bawah pimpinan Yang Amat Bernormat Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad ini dalam mendokong dasar luarnya yang berkecuali, tetap menganuti dasar anti komunis dan anti anasir-anasir purak-peranda.

Segala agensi Kerajaan yang terlibat dalam mengawasi gerak geri komunis, badan-badan 'front' komunis serta gerak-geri pihak-pihak anti-nasional akan terus berwaspada.

Mereka telah diarahkan supaya meningkatkan lagi prestasi mereka.

Dalam konteks ini, segala golongan rakyat mempunyai peranan dan kewajipan membantu Kerajaan bagi menjamin yang negara kita ini tidak terancam.

Pihak-pihak ertentu dalam Kerajaan akan terus menjalankan tugas dan tanggungjawab masing-masing bagi mengekalkan undang-undang dan peraturan (law and order).

Beberang helah atau muslihat untuk menimbulkan kekacauan ataupun huru-hara jika dapat dikesan di awal lagi akan dibentaskan tanpa teragak-agak lagi.

Ini ialah kerana undang-undang dan peraturan merupakan salah satu kunci serta pendorong kepada pembangunan negara pada umumnya dan perkembangan ekonomi khususnya.

Pembangunan negara dan perkembangan ekonomi selanjutnya akan membantu kita mencapai matlamat-matlamat Dasar Ekonomi Baru dan memboleh kan berbagai golongan rakyat mencapai cita-cita dan hasrat masing-masing untuk menikmati hidup yang lebih selesa.

Dan sekarang dengan segala sukacitanya saya mengisytiharkan nama-nama mereka yang akan dibebaskan:

Desa Hassan, Yeh Pek Ngo (F), Saad Ad. Saman, Ong Chock Te (M), Haji Ibrahim Haji Ahmad, Chin Hock Joo (F), Abdul Rahman Dn, Chan Heng Kai (M), Haji Ahmad Awang, Tong Mong Yong (F), Che Me Ahmad, Woh Yon Chee (M), Ismail Jaafar, Kassim Ahmad, Salahuddin Mansur, Yong Kau (M), Ahmad, Hussein Saad, Chan Kok Kit (M), Ismail Abdul Rahman.

Akhir sekali, sukalah saya menyatakan bahawa keputusan Kerajaan melepaskan begitu ramai orang tahanan ini pasti akan menimbulkan berbagai analisa dan tafsiran di kalangan rakyat, lebih-lebih lagi akhbar-akhbar dan majalah.

Saya suka mengingatkan mereka ini, lebih-lebih lagi pihak akhbar dan majalah, supaya berhati-hati dan teliti apabila menjalankan tugas mereka ini.

Pihak Kerajaan akan memandang serong kepada mana-mana pihak yang menimbulkan salah sangka di kalangan rakyat seolah-olah Kerajaan yang dipimpin oleh Datuk Seri Dr. Mahathir ini telah menukar haluannya ke arah sikap yang kurang anti komunis.

Kalaulah ini terjadi, maka kepercayaan rakyat bersatu-padu untuk menentang pihak komunis dan anasir-anasir anti-nasional akan terjejas.

Oleh itu saya suka menegaskan di sini bahawa sikap dan strategi Kerajaan untuk menghancur leburkan komunis dan anasir anti-nasional merupakan strategi yang paling diutamakan.

Pihak Kementerian Hal Ehwal Dalam Negerilah yang akan memelopori strategi ini dan terpulanglah kepada rakyat jelata memberi kerjasama dan sokongan sepenuhnya.

Bahan asal dari Arkib Negara Malaysia